

## Mesej Pengarang: Satu Penelitian Terhadap Novel *Anak Titiwangsa* Karya Sasterawan Negara Keris Mas

Author's message: An analysis of *Anak Titiwangsa*, a novel by the National Laureate, Keris Mas

MOHD DAUD IBRAHIM & ROHAIDAH KAMRUDDIN

### ABSTRAK

*Keupayaan komponen sastera dalam menyampaikan buah fikiran dan pengajaran kepada masyarakat adalah sesuatu yang amat positif. Buah fikiran pengarang merupakan mesej yang diolah dalam karya kreatifialah sesuatu yang lahir dari sifat pengarang yang inginkan pembacanya menerima dan menjadikan amalan sepanjang hidupnya. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan mesej-mesej yang ingin disampaikan oleh Keris Mas yakni penulis novel *Anak Titiwangsa*. Makalah ini akan mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci yang telah diperkembangkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan. Berdasarkan teori ini, mesej pengarang akan dibincangkan berdasarkan tiga prinsip teori tersebut iaitu prinsip kepengaruhan yang melihat pengaruh yang menjadikan pengarang itu menyampaikan mesej tersebut, prinsip pemilihan kata pula berkenaan frasa ataupun kata kunci yang menggambarkan mesej pengarang dalam novel ini dan akhir sekali prinsip kesan yang melihat mesej-mesej pengarang yang cukup sempurna dalam menjadikan teras kepada pembangunan akal minda masyarakat berdasarkan dua prinsip sebelumnya iaitu prinsip kepengaruhan dan prinsip pemilihan kata. Makalah ini diharap dapat menambahkan lagi kajian berkenaan karya sasterawan negara yang mempunyai seribu satu manfaat kepada masyarakat khalayak pembacanya.*

*Kata Kunci: mesej, Anak Titiwangsa, prinsip kepengaruhan, prinsip pemilihan kata, prinsip Kesan*

### ABSTRACT

*Potential literature in communicating our ideas and thinking to the community is something worth positively. Ideas or messages that are produce by the author for the readers to practice through at their life. Therefore, this paper will discuss useful messages based on the novel of National Laureate Keris Mas. Therefore, to find the messages that are useful and helpful, this paper has applied the theory of Conceptual Keyword developed by Mohamad Mokhtar Hassan. Through this theory, criticism on the author message was done is based on three principles, the principle influence theories that see the effect of the author ideas, the choice of words was found phrases or keywords that describe the author's message in this novel and lastly principles effect to see how researchers managed to catch and find the messages formed by the author is quite perfect in making the core of the development of society common sense based on two principles, namely the principles previously influence and principles for selecting words. This articles will be another new research about National Laureate that give a lot of benefits to the community.*

*Key words: messages, Anak Titiwangsa, principles of influence, principles of keyword, principle of effect*

### PENGENALAN

Penghasilan karya sastera sama ada novel, cerpen, puisi dan drama memiliki fungsi dan peranannya yang tersendiri. Peranan yang dimainkan karya sastera dalam memperkembangkan minda masyarakat berjalan seiring dengan peredaran zaman dan keadaan. Karya-karya seperti novel, telah lahir dengan unsur-unsur pengajaran yang baik sama ada secara tersurat ataupun tersirat. Mesej ataupun pengajaran yang dibawakan oleh seseorang penulis wujud untuk di tafsir oleh setiap pembaca yang memberi penilaiannya sama ada mesej itu berguna ataupun sebaliknya. Tahap tanggapan masyarakat

akan membantu mengangkat atau menemukan mesej yang dibawakan oleh seseorang pengarang. Dunia sastera tempatan tidak asing lagi dengan nama Keris Mas atau Kamaludin Muhammad. Keris Mas seorang Sasterawan Negara, dan telah dianugerahkan anugerah Sasterawan Negara pertama pada tahun 1981. Keris Mas dilahirkan pada 10 Jun 1922 di Kampung Ketari, Bentong, Pahang<sup>1</sup>.

Keris Mas sepanjang penglibatannya dalam dunia kesusasteraan telah menghasilkan tiga buah novel terawal iaitu *Pahlawan Rimba Malaya* pada tahun 1946, *Korban Kesuciannya* pada tahun 1949 dan novel *Anak Titiwangsa* pada tahun 1949 yang akan menjadi fokus kajian dalam makalah ini, serta

dua buah novel yang terkemudian yang bertajuk *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* pada tahun 1983, *Rimba Harapan* pada tahun 1986. Selain daripada tiga buah novel tersebut, Keris Mas juga telah lama bergiat aktif menghasilkan cerpen dan artikel sastera. Beliau lebih dikenali dalam genre cerpen berbanding genre novel. Hal ini terbukti apabila sejumlah besar cerpen-cerpen yang berjaya dihasilkan dan diterbitkan di majalah dan akhbar pada masa itu.

Menyentuh mengenai novel *Anak Titiwangsa*, penulis Keris Mas menyajikan kepada pembaca satu konsepsi kesatuan idea yang bermutu dengan mengambil kira pelbagai faktor, masa dan keadaan. Idea yang dibangunkan oleh Keris Mas dilihat sejalar dalam memantapkan jati diri masyarakat bangsanya. Curahan ilmu yang dibawakan oleh Keris Mas dalam karya terutamanya novel ini cukup bermanfaat untuk di jadikan landasan para pembacanya. Dalam novel *Anak Titiwangsa*, pengisahan yang dibawakan oleh Keris Mas melibatkan dua kisah watak utama yang tinggal di kampung dan bandar. Desakan hidup di kampung telah memaksa Karim lari dari rumah dan meniti ranjau kehidupan yang kotor di ibu kota. Sebagai seorang sahabat karib dan memegang pada janji, Sudin berusaha mencari temannya Karim sehinggalah melalui beberapa perkara yang secara tidak langsung telah mengajar dan mematangkannya.

Novel *Anak Titiwangsa* ini telah banyak dikupas dan dikaji oleh tokoh sarjana tempatan, antaranya kajian yang dilakukan oleh Hamzah Hamdani, A. Rahim Abdullah, Shahnnon Ahmad dan Johan Jaafar. Adalah menarik untuk memperkatakan mengenai novel ini kerana daripada beberapa pendapat tokoh-tokoh yang dinyatakan, dilihat mempunyai beberapa idea yang berlainan pada tanggapan pengkaji. Kajian Hamzah Hamdani yang memperakui bahawa pengarang Keris dalam novel *Anak Titiwangsa* ini memberi peringatan bahawa kehidupan anak-anak muda perlu diberi perhatian sebelum menuju kemusnahan<sup>2</sup>. Seterusnya kajian yang dilakukan oleh A. Rahim Abdullah turut mengatakan novel *Anak Titiwangsa* ini mendedahkan kepincangan dalam masyarakat Melayu dalam menghadapi fenomena moden<sup>3</sup>. Manakala sedikit berbeza dapatan yang diperoleh oleh Shahnnon Ahmad apabila beliau mendapati bahawa setelah membaca karya-karya Keris Mas (termasuk novel *Anak Titiwangsa*) pembaca bukan lagi sekadar memahami cerita, tetapi terjun ke dalam kisah, lalu menghayatinya, turut sama merasai konflik-konflik luaran dan dalaman para wataknya, pengalaman pembaca juga

turut sama diperkayakan oleh pengalaman Keris Mas yang tersurat dalam karya-karyanya (termasuk novel *Anak Titiwangsa*)<sup>4</sup>. Kemudian ditemui satu lagi kajian yang masih lagi baru pada tahun 2008 dalam artikel Johan Jafaar membicarakan bahawa novel *Anak Titiwangsa* ini sarat dengan sindiran bagi menyedarkan anak bangsanya<sup>5</sup>.

Oleh yang demikian, daripada empat kupasan dan kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelumnya seperti yang dinyatakan di bahagian awal kajian ini, dapat disimpulkan bahawa wujud dua persoalan pokok yang telah diutarakan oleh kajian sebelumnya. Pertama, persoalan mengenai kepentingan kedudukan ilmu dalam sesebuah masyarakat yang ditonjolkan Keris Mas dalam novel ini. Kedua, persoalan mengenai keupayaan Keris Mas membawa dan menyampaikan pengalaman tersurat kepada pembaca dalam novel ini.

Persoalan pertama yang berhubungan dengan kepentingan kedudukan ilmu dalam sesebuah masyarakat telah dikatakan oleh tiga orang tokoh iaitu, Hamzah Hamdani yang menyatakan golongan muda perlu diberi perhatian, A. Rahim Abdullah pula mengatakan novel ini mendedahkan kepincangan masyarakat dan Johan Jaafar juga mengatakan novel ini sarat dengan sindiran terhadap masyarakat. Oleh itu, dapatan kajian ketiga-tiga tokoh ini menjurus kepada persoalan utama seperti yang dinyatakan iaitu persoalan kepentingan ilmu. Persoalan kedua wujud dalam kajian sebelum ini mendapati bahawa Keris Mas cuba membawa pembaca mengalami sendiri pengalamannya menerusi pembawaan yang diterapkan dalam novel ini. Dapatan Shahnnon Ahmad ini, memperlihatkan sedikit perbezaan berbanding dengan tiga dapatan kajian yang lain. Perbezaan dapatan ini meninggalkan sedikit kelompangan dalam kajian lepas oleh tokoh-tokoh tersebut, ada yang mengatakan novel ini sarat dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat dan ada yang mengatakan novel ini memperlihatkan pengalaman penulis itu sendiri. Perbezaan ini telah menimbulkan persoalan adakah pengajaran yang dibawakan oleh pengarang lahir daripada nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi penulis atau adakah unsur-unsur pengajaran ini lahir daripada faktor pengalaman Keris Mas yang meniti perjalanan sastera sepanjang bergelar seniman sastera. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini akan cuba menjawab persoalan yang timbul berhubung dengan kajian lepas dengan menganalisis mesej-mesej pengarang yang terkandung dalam novel ini dengan menggunakan prinsip pemilihan kata berdasarkan teori Konseptual Kata Kunci, serta membuat rumusan faktor-faktor

yang mempengaruhi lahirnya mesej-mesej tersebut dalam novel ini berdasarkan prinsip kepengaruhan dalam teori konseptual Kata Kunci janaan Mohamad Mokhtar Hassan.

Sejajar dengan itu, makalah ini memilih untuk menerapkan kerangka teoretikal Konseptual Kata Kunci janaan Mohamad Mokhtar Hassan sebagai kerangka analisis. Pemilihan Teori Konseptual Kata Kunci ini diasaskan kepada beberapa perkara. Pertama, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa teori ini memberi ruang yang cukup untuk diterapkan dalam menganalisis sesebuah karya berdasarkan kepada tiga komponen utama iaitu pengarang, karya dan khalayak. Ketiga-tiga komponen ini pada asasnya memperlihatkan konseptual pengarang yang digembleng dalam sesebuah karya. Kedua, teori ini menyediakan tiga prinsip yang munasabah untuk menjawab setiap persoalan yang dibangkitkan sebelum ini. Prinsip-prinsip seperti kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan sejajar dengan kajian ini yang akan menumpukan kepada dua konsep utama iaitu mesej pengarang yang boleh diaplikasikan menggunakan prinsip pemilihan kata dan merumuskan mesej-mesej tersebut berdasarkan prinsip kepengaruhan dan prinsip kesannya terhadap pembaca yang berjaya menangkap konsepsi penulis Keris Mas dalam novel *Anak Titiwangsa*. Ketiga, dalam usaha membandingkan teori-teori tempatan dan teori barat, teori Konseptual Kata Kunci menawarkan satu idea pokok yang hampir sama dengan persoalan yang dibangkitkan pada awal perbincangan.

#### METODOLOGI : TEORI KONSEPTUAL KATA KUNCI

Teori Konseptual Kata Kunci diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan seperti mana yang tertulis dalam buku asalnya sendiri "*Teori Konseptual Kata Kunci*" terbitan Penerbit Universiti Malaya pada tahun 2005. Teori ini telah dikemukakan pada 24-26 September 2001 bertempat di Hotel Park Royal dalam satu Seminar Kritikan Sastera Melayu Serantau, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dengan kerjasama Persatuan Pengkritik Malaysia. Mohamad Mokhtar Hassan telah melontarkan idea awal terhadap teori tersebut dalam kertas kerja yang bertajuk "*Pendekatan Kata Kunci: Satu kaedah dalam Kritikan Sastera*" di mana teori ini merupakan hasil kesinambungan daripada tesis Ijazah Doktor Falsafahnya di Australia National

University, Canberra dalam tesis yang bertajuk "*Key Concepts In Usman Awang's Short Stories: Developing A Critical Tradition.*"<sup>6</sup>

Teori Konseptual Kata Kunci ini adalah konsepsi seseorang individu terhadap sesuatu idea, perkara atau objek boleh dikenal pasti melalui penelitian kata-kata yang digunakan oleh pengarang. Kata-kata yang diberi penekanan atau fokus inilah yang dinamakan sebagai kata kunci (*keywords*). Teori ini sebenarnya dibina berdasarkan tiga prinsip iaitu kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan. Pendekatan kritik ini bersandarkan idea Teori Konseptual Kata Kunci mengakui setiap pengarang mempunyai kerangka konseptual terhadap sesuatu perkara yang dilihat dan diamatinya. Daripada kerangka ini pengkritik dapat mengarahkan tendensi linguistik kepada suatu konsep yang boleh membuktikan signifikasi makna teks dan menjustifikasikan tujuan pengarang. Kerangka konseptual ini dapat dikaji dan dibuktikan menerusi perkataan-perkataan yang dipilih oleh pengarang di dalam teksnya dan membuktikan makna teks dan tujuan pengarang. Teori Konseptual Kata Kunci percaya bahawa pengarang tidak memilih perkataan secara rambang atau tanpa sebab-sebab yang tertentu dan khusus sewaktu menulis sesebuah karya kesusasteraan. Ada suatu elemen linguistik terencana yang disirat oleh kata-kata tertentu yang menjadi kunci sesuatu konsep yang lebih menyeluruh dan memberi makna. Kerana itu, untuk mendapatkan makna, maka pengkritik perlu memahami dengan pasti perkataan-perkataan yang menjadi mata rantai kepada kunci sesuatu konsep.

Pendekatan ini tentu memberi fokus yang sangat tinggi terhadap aspek tekstual dengan tidak melupakan aspek kontekstual. Untuk mendapatkan signifikasi makna, kata-kata yang menjadi kata kunci yang mendukung sesuatu konsep itu perlu dikaitkan dengan fenomena di luar teks. Pengarang juga terheret dalam analisis pendekatan ini. Sekurang-kurangnya, pengarang dilihat tidak terlalu berangan-angan atau didominasi imajinasi semata-mata, sebaliknya mendukung visi tertentu dalam penulisannya. Pendekatan ini akan menjadi lebih bermakna dalam konteks untuk membuktikan makna dan tujuan pengarang sekiranya dilengkapi dengan ilmu bantu yang lain seperti sosiolinguistik dan sejarah. Pendekatan ini tidak keterlaluan jika dikatakan sesuai diaplikasikan ke atas teks prosa terutamanya novel *Anak Titiwangsa* yang menjadi bahan kajian dalam makalah ini. Menggunakan pendekatan ini juga tidak dapat memisahkan pengkritik daripada idea teori struktural yang

menitikberatkan soal perkaitan, transformasi dan keseluruhan. Teori Konseptual Kata Kunci juga menitikberatkan soal perkaitan di antara satu kata kunci dengan satu kata kunci yang lain dan rangkaian kata kunci itu pula berkait dengan sesuatu konsep yang terhasil. Berlaku juga proses transformasi rangkaian kata kunci kepada pembentukan istilah baharu atau konsep. Kaedah praktis pendekatan ini bersifat linguistik mekanis kerana melibatkan beberapa aspek teknikal bahasa seperti pemilihan kata, pembentukan kata dan pemaknaan kata.

Terdapat tiga prinsip dalam Teori Konseptual Kata Kunci yang dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Hassan, iaitu:

1. Kepengaruhan
2. Pemilihan Kata
3. Kesan

#### KEPENGARUHAN

Prinsip pertama ini berhubung dengan pengarang. Dalam prinsip ini, konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, hal atau perkara sedikit sebanyak dipengaruhi oleh latar belakang pengarang termasuk keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi dan politik. Faktor umur, masa dan peredaran zaman juga turut memainkan peranan dalam menentukan konsepsi seseorang pengarang itu. Faktor-faktor ini juga turut menentukan penerusan atau perubahan konsepsi seseorang pengarang dalam penghasilan karyanya.<sup>7</sup>

Justeru, dalam pencarian konseptual seseorang pengarang itu, pengkaji atau peneliti karya sastrera perlu mengenali latar belakang pengarang dan hal-hal yang berkaitan dengan dirinya secara lebih mendalam. Unsur ekstrinsik amat penting diketahui dalam memahami konseptual seseorang pengarang. Selain itu, peneliti juga harus mengetahui tarikh sesebuah karya tersebut dihasilkan. Dengan memahami unsur intrinsik ini, seseorang peneliti akan dapat memahami konsepsi pengarang terhadap sesuatu isi, perkara, hal, objek dan peristiwa.<sup>8</sup>

#### PEMILIHAN KATA (DIKSI)

Prinsip ini pula berhubung dengan karya sastrera. Dalam prinsip ini, pengarang akan menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsinya terhadap sesuatu hal, isu, perkara, objek dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pemilihan kata-kata bagi sesuatu

konsep dalam sesebuah karya sastrera mungkin diungkapkan melalui kata-kata konkrit ataupun abstrak atau gabungan kedua-duanya sekali. Sebagai contoh, konsep miskin jika kata konkrit, pengarang mungkin akan menggunakan kata-kata seperti 'melarat', 'menderita', 'sengsara'. dan 'terhimpit'. Manakala kata-kata abstrak pula, pengarang mungkin akan menggunakan kata seperti 'anjing kurap' dan 'lorong sempit' dan 'sampah'.<sup>9</sup>

#### KESAN

Prinsip terakhir ini pula berhubung dengan khalayak pembaca. Seseorang pengarang secara sedar atau tidak akan mengemukakan konsepsinya melalui pemilihan kata-kata yang digunakan dalam hasil karya mereka. Konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, perkara, hal dan sebagainya ini pula dapat dirasai oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang. Kesannya dapat ditemui dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan. Kejayaan menemui konseptual seseorang pengarang itu akan terhasil apabila konseptual yang dikemukakan oleh pembaca menyamai konseptual pengarang. Justeru, pembaca harus bersifat objektif, iaitu tidak wujud prasangka atau dipengaruhi oleh ideologi, kepercayaan dan fahaman yang dimiliki oleh pembaca semasa mencari konseptual pengarang.<sup>10</sup>

#### PERBINCANGAN : MESEJ PENGARANG BERDASARKAN KERANGKA TEORITIKAL KONSEPTUAL KATA KUNCI

Sebagaimana yang telah dinyatakan, kajian ini memilih Teori Konseptual Kata Kunci sebagai kerangka analisis. Teori Konseptual Kata Kunci merupakan sebuah teori yang mengakui setiap pengarang mempunyai kerangka konseptual terhadap sesuatu perkara yang dilihat dan diamatinya. Oleh itu, bagi menemukan konseptual pengarang tiga prinsip yang harus dikupas dalam sesebuah karya. Prinsip yang dinyatakan adalah kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan. Ketiga-tiga prinsip ini akan diterapkan dalam kajian ini. Bermula dengan prinsip kepengaruhan, seterusnya prinsip pemilihan kata dan prinsip kesan.

## PRINSIP KEPENGARUHAN YANG MEMPENGARUHI MESEJ PENGARANG

Unsur kepengaruhan ini mementingkan konsepsi yang lahir daripada latar belakang pengarang. Konsepsi tersebut tidak terikat dengan konsepsi yang ditanggapi oleh orang lain tentang sesuatu subjek penelitian. Persamaan atau perbezaan itu bergantung pada latar belakang, pendidikan, lingkungan masyarakat, kepercayaan, adat dan budaya, ideologi, dan sebagainya. Pewujudan konsepsi ini akan mendisiplinkan pengarang untuk digelungi sifat jujur dalam berkarya kerana latar pengetahuan dan pengalamannya mengesahkan pemikiran yang disuguhkan. Pengarang juga dipengaruhi oleh unsur-unsur ekstrinsik tentang sesuatu konsep itu yang dapat ditemukan melalui kata, frasa, ayat, dan wacana yang dititipkannya dalam karya tersebut. Pembaca akan dapat memahami konsepsi pengarang berdasarkan kata kunci yang digunakan dalam karya itu.

Oleh yang demikian, dalam kajian novel *Anak Titiwangsa* latar belakang Keris Mas akan diambil kira bermula dari awal kelahirannya dan sehingga ke akhir hayatnya bagi memperlihatkan mesej pengarang yang cuba disampaikan dalam karyanya. Keris Mas mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Barus, Bentong hingga darjah 5. Kemudian Keris Mas telah melanjutkan pelajarannya ke Maktab Melayu Kuala Kangsar dan disebabkan oleh pelbagai faktor dia kemudiannya dihantar oleh keluarganya ke Sumatera mengikuti pelajaran di Tawalib School, sebuah sekolah menengah dengan pengantar bahasa Indonesia dan bahasa Arab. Selain itu, Keris Mas juga pernah belajar di Kolej Kulliahtul Muallimin Al-Islamiah untuk mengambil diploma perguruan bagi melayakkan dirinya menjadi seorang guru agama. Ketika belajar di kolej tersebut, Keris Mas cukup mahir dengan beberapa bahasa luar seperti bahasa Indonesia, bahasa Arab dan bahasa Belanda. Hal ini kerana, di kolej tersebut sistem pembelajarannya menggunakan bahasa Indonesia, Arab dan juga Belanda<sup>11</sup>.

Pada tahun 1940, Keris Mas pulang ke Tanah Melayu dan setahun kemudian beliau meneruskan lagi pelajarannya dengan mendaftarkan diri di Pitman College untuk menduduki peperiksaan matrikulasi Universiti London. Pada tahap ini pelajarannya tertangguh kerana meletusnya Perang Dunia Kedua. Keris Mas pulang ke Pahang dan menjadi guru di Madrasah Khairiah di Temerloh, Pahang dari tahun 1946 hingga tahun 1947.

Perjalanan hidup Keris Mas mula berkembang setelah beliau menganggotai Parti Kebangsaan Melayu (PKMM) Cawangan Pahang dan menjawat jawatan Pegawai Penerangan. Dalam tempoh ini, Keris Mas mula aktif dalam bidang penulisan. Cerpen yang bertajuk "*Wasiat Orang Bangsawan*" tersiar dalam majalah *Suluh Malaya* pada 1 Jun 1946. Diikuti pula dengan terbitnya sebuah novel yang pertama Keris Mas pada tahun sama iaitu novel *Pahlawan Rimba Malaya*. Selepas berhenti daripada bergiat dalam PKMM, Keris Mas berhijrah ke Singapura dengan memikul tugas sebagai pengarah di Utusan Melayu Singapura. Keris Mas juga pernah bekerja sebagai penulis di *Melayu Raya*, *Warta Negara* dan jawatan terakhirnya ialah di Dewan Bahasa dan Pustaka<sup>12</sup>.

Keris Mas juga merupakan seorang ahli yang aktif dan merupakan tunjang kepada Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50). Keris Mas merupakan pendukung kuat konsep "*Seni untuk Masyarakat*". Kredibiliti beliau sebagai seorang penulis sastera sangat berpengaruh pada waktu tersebut, cerpen-cerpen yang dihasilkan memenuhi beberapa ruangan majalah dan juga pernah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa seperti Cina, Korea, Inggeris dan Rusia. Kekuatan dan keupayaan pengarang membawa perubahan dalam karya-karyanya mendapat pengiktirafan antaranya seperti Anugerah Pejuang Sastera, dilantik oleh Perdana Menteri menjadi Setiausaha Panel Hadiah Karya Sastera sehinggalah beliau telah dianugerahkan Anugerah Sasterawan Negara pada tahun 1981. Kebolehan dan bakat yang dimiliki telah memantapkan dirinya dan karya-karyanya, hal ini kerana ramai teman-teman seperjuangannya pernah mengakui kebolehan dan keupayaan Keris Mas memantapkan kembali pengalamannya dalam karya-karyanya. Dipetik dari pendapat Syed Husin Ali dalam A. Rahim Abdullah mengatakan bahawa:

"Keris Mas telah mengambil sikap yang betul, iaitu sikap yang sesuai mencerminkan kehendak rakyat jelata. Pendiriannya ialah pendirian yang menyebelahi pihak yang menentang penjajahan dan yang menuntut keadilan dan kemakmuran bagi rakyat"

(Koleksi Terpilih Keris Mas, 1995: xii)

Oleh yang demikian, daripada pengalaman yang dilalui oleh Keris Mas telah menjadikan beliau seorang yang cukup peka dengan perubahan yang melanda 'sosiomasyarakatnya'. Dalam dunia pendidikan, Keris Mas boleh dikatakan cukup luas bidang pengajiannya, bermula dengan belajar di Indonesia, Singapura dan Tanah Melayu.

Pengalaman yang dikutip dari perbezaan tempat dan kedudukan telah sedikit sebanyak mempengaruhi kepengarangannya. Dalam dunia institusi pula, Keris Mas telah berkecimpung dalam bidang politik dan persatuan. PKMM dan ASAS 50 merupakan dua badan yang dipelopori oleh Keris Mas dan keduanya merupakan dua badan yang mendukung usaha kemasyarakatan sama ada dalam dunia kepartian mahupun kesenian. Sehubungan dengan itu, dasar utama dalam novel *Anak Titiwangsa* yang mengangkat soal nilai dan pengajaran kepada anak bangsa adalah lahir daripada pengalaman dan perjalanan hidup Keris Mas dalam dunia seni sastera tanah air.

Mesej yang disampaikan Keris Mas dalam novel *Anak Titiwangsa* ini, telah terbukti bahawa lahir daripada pelbagai faktor seperti yang dinyatakan sebelum ini. Pendidikan, aktiviti berpersatuan, anugerah telah diterima, perubahan masa, dan kepelbagaian iklim budaya yang dilalui oleh Keris Mas menjadi pendorong kepada beliau untuk menyampaikan kebaikan dalam karyanya ini. Oleh itu, jelas dalam kajian ini konsepsi pengarang berhubung mesejnya buat masyarakat pembaca timbul daripada pengalaman dan membentuk keupayaannya untuk menyampaikan kepada masyarakat.

#### PRINSIP PEMILIHAN KATA BERDASARKAN MESEJ PENGARANG

Pemilihan kata yang dilakukan oleh pengarang bersignifikan untuk menghadirkan pemahaman yang lebih jelas tentang konsepsi pengarang tentang subjek penceritaan. Melalui kata kunci (*keywords*) yang diimplementasikan secara bersungguh-sungguh, didapati pengarang berusaha untuk menyampaikan mesej yang bermanfaat kepada masyarakat berdasarkan novel ini. Pemilihan kata-kata yang berkaitan dengan unsur mesej yang dibawakan oleh pengarang menyerlahkan pemikiran pengarang kerana perulangan konsep mesej dan pengajaran menjadi ramuan utama dalam novel ini. Dalam konteks ini, pemilihan kata atau kata kunci ini hadir sebagai suatu bentuk penegasan dan pengukuhan dalam membicarakan sesuatu konsep dan konteks. Pemilihan kata amat penting untuk memastikan gagasan yang ingin disampaikan dapat disalurkan dengan baik. Pemilihan kata yang berkesan akan menyerap pemahaman dan penghayatan yang bermakna kepada pembaca. Hal inilah yang didapati daripada novel ini, kerana

pengarang menyuguhkan suatu kesatuan mesej yang terlalu menebal dan bermanfaat.

Berdasarkan kepada novel *Anak Titiwangsa* ini, terdapat satu mesej utama yang mendasari konseptual pengarang. Mesej yang dimaksudkan iaitu mesej pengarang tentang kepentingan menuntut ilmu bagi golongan muda. Oleh hal yang demikian, untuk menaakul mesej yang dibawakan oleh pengarang ini, terlihat beberapa kata kunci, rangkai kata, dan wacana yang secara langsung menonjolkan tentang kepentingan menuntut ilmu. Hal ini dapat dibuktikan melalui contoh di bawah.

1. Saya **benci sekolah**. (hlm. 1)
2. Saya **hempaskan buku** itu ke atas meja. (hlm. 1)
3. “Kalau engkau **penat**, berhentilah **membaca**. (hlm. 3)
4. “Aku masih **sekolah malam**. Dia suruh masuk **periksa HSC** pula.”
5. “Bagus, bagus. Mahu jadi orang surat khabar mesti **belajar tinggi-tinggi**. Nanti mesti masuk **universiti**,” katanya. (hlm. 14)
6. Budak-budak kelihatan berdua bertiga di jalan raya menuju ke masjid untuk **mengaji**. (hlm. 23)
7. Dalam kenangan itu termasuk **tengking herdik guru al-Quran** kami Pak Lebai Saleh, **pukul** dan **rotan** daripada ayah, kasih sayang daripada ibu, kesukaan main-main dan mandi-manda sungai di belakang sekolah, kegemaran menyakat dan mengejek Pak Begot. (hlm. 30)
8. Di samping itu saya perlu **mengulang pelajaran**. Banyak **buku yang belum saya baca**. (hlm. 46)
9. Pengurus besarnya amat senang dengan rencana itu dan kata Franklin dia boleh tolong dapatkan **biasiswa** untuk saya **melanjutkan pelajaran ke Amerika**. (hlm. 58)
10. Buku terkembang di rusuk saya dan dua **tiga buah lagi bergelumang dengan bantal** di atas meja dijajari semut, **bersepah di antara kertas, buku, lampu meja, pensel dan pena**. (hlm. 60)
11. **Bertimbun-timbun buku sahaja**. (hlm. 63)
12. Engkau mesti **bergaul** dengan **penulis, mahasiswa** dan **intelektual**. (hlm. 64)
13. **Peperiksaan** akan dimulakan besok. (hlm. 69)
14. Kata Pak Cik Samad saya mesti **belajar kuat-kuat**. (hlm. 71)
15. “Eh, sekolah kan perlu? Kalau tak sekolah **buta kayulah**,” kata Abang Sarip. (hlm. 73)
16. Tetapi saya **tidak belajar betul-betul**. Saya **tidak suka duduk** di rumah. Budak-budak anak kakak semuanya lembik-lembik, asyik main guli dan main gasing sahaja. Saya mula **melalak-lalak** lagi dengan Karim dan Usup. (hlm. 73)

17. Waktu tiba peperiksaan **Sijil Rendah Pelajaran (LCE)** kami bertiga, Karim, Ucup dan saya **tidak lulus**. (hlm. 74)
18. Saya tiba-tiba pula teringin Karim. Perkara Karim ini sudah saya lupakan semenjak Pak Cik Samad balik dari Afrika dan **memaksa** saya **mengulang pelajaran tiap-tiap malam** hingga **hari peperiksaan** yang baharu selesai itu. (hlm. 81-82)
19. Selama ini saya sentiasa **bercita-cita** hendak jadi seorang **berjaya**, seperti Pak Cik Samad berjaya menjadi wartawan yang ternama. (hlm. 129)
20. Pak Cik Samad **menyuruh** saya **belajar** hingga **mendapat ijazah universiti**, tetapi dia tidak pernah mengatakan apa barangkali tugas yang patut saya buat kelak kalau **berijazah**. (hlm. 129-130)
21. Orang miskin, orang **tak ada pelajaran** macam saya ini mesti gila-gila sikit. (hlm. 139)
22. “Pengaruh masyarakat, **pengaruh didikan** ke atas orang-orang seorang tidak boleh diperkecil. Karim **tidak pernah terkawal, tidak pernah terdidik** di rumah tangganya, biasa **lepas bebas** dalam masyarakat yang tidak senonoh. (hlm. 153)
23. “Mula pertama aku nak minta **ampun** pada engkau. Banyak **dosa** aku masa kecil-kecil dulu pada engkau. Kemudian aku nak **balik lekas minta ampun** pada **emak**, pada **ayah**, pada semua **orang kampung** kita dan nak pergi ke kubur ayah engkau.” (hlm. 161)

Dapat ditemukan beberapa kata kunci yang mendasari konseptual pengarang dalam novel ini, kata kunci yang ditemukan dapat memperlihatkan garapan penulis mencipta ruang untuk beliau menyampaikan mesejnya. Hakikat rasa dalam menuntut ilmu seperti malas, bosan dan jemu digarap oleh pengarang bagi membangkitkan kesepaduan jalan cerita dan mesej yang ingin dibawakan. Daripada contoh petikan satu, dua, tiga dan sepuluh menemukan kata kunci, rangkaian kata dan wacana seperti **benci sekolah, hempaskan buku, penat, tiga buah lagi bergelumang dengan bantal, bersepah di antara kertas, buku, lampu meja, pensel dan pena** adalah jelas menggambarkan bahawa pengarang cuba memahami pembaca supaya tidak melakukan sedemikian rupa dalam proses menuntut ilmu. Proses menuntut ilmu seharusnya tidak ada rasa seperti yang dinyatakan sebelum ini, kerana dalam ajaran Islam sendiri memandang mulia setiap orang Muslimin atau Muslimat yang

berusaha, mencari, menuntut, mengamalkan dan menyampaikan ilmu. Ketinggian darjat seseorang yang memandang tinggi kepada ilmu dapat dibuktikan sebagaimana Nabi Muhammad SAW bersabda: “*Siapa yang keluar untuk menuntut ilmu maka ia berjuang fisabilillah hingga ia kembali.*” (Riwayat At-Tarmizi dan Ad-Darimi)<sup>13</sup>. Justeru itu, adalah bertepatan jika dikatakan bahawa mesej kepentingan menuntut ilmu dapat diterjemahkan berdasarkan kata-kata kunci yang pengarang garapkan dalam novel ini.

Seterusnya kata kunci yang menjurus kepada mesej kepentingan menuntut ilmu pengarang dapat diperlihatkan kepada kata kunci pendorong dalam mencapai atau mencari ilmu. Hai ini dapat dilihat berdasarkan kata kunci dalam contoh lima, tujuh, sembilan, empat belas, lapan belas dan dua puluh. Kata kunci, rangkaian kata dan wacana yang dimaksudkan adalah **belajar tinggi-tinggi, tengking herdik guru al-Quran, pukul, rotan, biasiswa, belajar kuat-kuat, memaksa dan menyuruh**. Budaya ilmu yang diberi penekanan oleh Islam, sewajarnya kembali diambil perhatian serius oleh umat Islam di zaman ini. Setiap individu Muslim sepatutnya sudah mempersiapkan diri sama ada dari sudut fizikal mahupun mental untuk mendalami ilmu merangkumi ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah<sup>14</sup>. Oleh itu, budaya menuntut ilmu perlu didorong oleh ibu bapa, persekitaran mahupun pihak berkuasa dengan menjadikan setiap manusia berjaya mendapat ilmu dengan cara paling mulia dan terbaik. Melalui dorongan yang dicetuskan dapat menyuntik semangat bagi golongan muda belajar dengan selesa tanpa perlu dibatasi oleh hal-hal yang tidak berkaitan. Agak jelas pengarang dilihat cuba membawakan kata kunci pendorong ini bagi memberi impak dalam mesej kepentingan menuntut ilmu yang cuba disampaikan dalam karyanya ini.

Begitu juga dengan kata kunci, wacana dan rangkaian kata seperti **buta kayulah, tidak lulus, tak ada pelajaran**, merupakan antara perkara yang akan terjadi jika proses menuntut ilmu itu tidak berlaku. Adalah jelas bahawa tanpa ilmu yang bermanfaat masyarakat akan berada dalam kemiskinan, tidak berupaya untuk mengubah nasib keluarga dan diri sendiri. Oleh itu, pengarang menimbulkan kata kunci ini bagi menguatkan lagi konseptualnya mesej kepentingan menuntut ilmu dalam masyarakatnya dalam karya ini. Begitu jalan cerita yang digambarkan oleh pengarang perubahan diri pada watak Karim yang tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya. Karim hanyut dalam dunia yang penuh kekaburan menjadi pencuri,

terlibat dengan ahli kongsi gelak dan melarikan diri daripada rumah. Oleh itu, pendirian kata kunci yang dinyatakan di atas adalah bersesuaian dengan tujuan utama yang dibawakan pengarang iaitu untuk menyampaikan mesej kepentingan menuntut ilmu.

#### PRINSIP KESAN YANG MENEMUKAN MESEJ YANG DIBAWAKAN OLEH PENGARANG

Prinsip kesan dihubungkan dengan pembaca. Konsepsi pengarang tentang subjek yang diutarakan akan diperoleh oleh pembaca dengan meneliti karya yang terangkum kata kunci dan ungkapan yang digunakan oleh pengarang. Kejayaan menemukan konsepsi pengarang akan terhasil dengan wujudnya unsur persamaan seperti yang diperoleh pembaca. Untuk mendapatkan konsepsi pengarang dengan lebih objektif, hal-hal yang berhubung dengan ekstrinsik pengarang perlulah difahami.

Prinsip ini tercetus selepas karya tersebut dibaca dan dihayati. Hasil daripada pembacaan, pengamatan, dan penelitian sesebuah karya, khalayak seharusnya mendapat kesan atau rasa. Melalui prinsip ini, pengarang secara sedar atau tidak sedar akan mengemukakan konsepsinya tentang sesuatu isu, hal, perkara, objek dan sebagainya melalui pemilihan kata yang digunakan. Kesannya dapat ditemukan dengan meneliti kata-kata kunci yang mendominasi pemikiran pengarang. Suatu yang bernama kejayaan apabila konsepsi yang dicetuskan oleh pengarang difahami oleh khalayak mempunyai persamaan. Prinsip ini mendekati teori pragmatik, teori rasa, dan teori resepsi yang menyebabkan khalayak mendapat kesan hasil daripada menikmati sesebuah karya sastera.

Dimensi mesej pengarang dalam novel *Anak Titiwangsa* adalah jelas menjurus kepada soal nilai dan pengajaran. Keris Mas telah menjadikan novel ini sebagai tugas sosialnya menyampaikan dan mengingatkan pembaca mencari jalan terbaik dalam menyelesaikan sebuah permasalahan yang berlaku. Seperti dalam novel ini, Keris Mas membangkitkan soal wacana ilmunya dalam menghadapi perubahan zaman dan pengaruh luar. Kehadiran mesej-mesej dalam novel ini dilihat begitu cukup untuk membantu atau menegur masyarakat dalam mencari solusi yang benar-benar bermanfaat. Keris Mas tidak putus-putus menyuarakan isu kemasyarakatan yang menjadi nadi dalam beberapa karyanya.

Hal ini kerana, pengalaman perjalanan seninya memasuki tiga zaman iaitu zaman penjajahan, zaman kemerdekaan dan zaman selepas merdeka. Segala

perihal isu masyarakatnya telah dilalui olehnya sendiri dan di peroleh dari indera pengamatan deria yang menjadi penyebab utama karya-karyanya seolah-olah hidup dalam masyarakatnya. Berhubungan dengan itu, novel ini adalah jelas dapat dikesan memaparkan konsepsi pengarang yang mementingkan masyarakat dengan membawakan mesej tuntutan ilmu dan kepentingannya dalam meneruskan kelangsungan hidup di dunia ini.

#### KESIMPULAN

Analisis ini mendapati bahawa, mesej pengarang adalah tuntutan kepentingan menuntut ilmu. Konsep pembawaan jalan cerita ini telah dirungkaikan oleh Keris Mas bertujuan menjurus kepada ilmu-ilmu yang bermanfaat. Mesej kepentingan menuntut ilmu ini, lahir seiring dengan faktor yang telah mempengaruhi kepengarangan Keris Mas di antaranya pendidikan yang diterima dari pelbagai iklim negara (Malaysian, Indonesia, Singapura), persatuan yang diikuti seperti ASAS 50 yang mendukung konsep "*Seni untuk Masyarakat*", lapangan bidang yang diceburinya seperti sebagai wartawan, penulis dan pegawai penerangan serta anugerah yang diperoleh telah menyebabkan penzahiran kewujudan mesej menuntut ilmu dalam novel *Anak Titiwangsa* ini.

Garapan wacana kepentingan menuntut ilmu, diperlihatkan lagi dalam kata kunci khusus yang telah menyokong dan mendukung konsepsi utama penulis. Kata kunci yang ditemui seperti kata kunci hakikat rasa dalam menuntut ilmu, kata kunci dorongan menuntut ilmu dan kata kunci keburukan tidak menuntut ilmu. Ketiga-tiga kata kunci ini adalah selaras untuk memaparkan konsepsi pengarang yang ingin menyampaikan mesej tuntutan menuntut ilmu kepada masyarakat pembaca melalui novel ini. Konseptual pengarang dapat ditanggapi oleh pengkaji seiring dengan prinsip ketiga yang ditawarkan dalam kerangka teoretikal Konseptual Kata Kunci. Oleh yang demikian, mesej yang disampaikan oleh Keris Mas lahir daripada pengalaman dan perjalanan hidupnya dalam dunia persuratan di negara ini.

#### NOTA

<sup>1</sup> Hasni Abas. 2008. Konsep Seni untuk Masyarakat dalam Cerpen-cerpen dan Novel Keris Mas. Penyt. Siti Aisyah Murad, *Penelitian Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden*



- 1940-1969. Hlm. 95-96. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>2</sup> Hamzah Hamdani. 1982. Keris Mas: Tokoh Kesusasteraan Melayu Moden. Dlm. *Majalah Penulis*, Tahun 7 hlm. 6-17. Persatuan Penulis Nasional (PENNA).
- <sup>3</sup> A. Rahim Abdullah. 1995. *Koleksi Terpilih Sasterawan Negara Keris Mas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>4</sup> Shahnnon Ahmad . 1989. Keris Mas: Sasterawan Sekali Gus Pemikir. Dlm. *Dewan Sastera September*. Hlm. 62-63.
- <sup>5</sup> Johan Jafaar . 2008. Di Luar Lingkaran: Siapa Sebenarnya Gila?. Dlm. *Berita Harian* 13 Oktober 2008.
- <sup>6</sup> Mohamad Mokhtar Hassan. 2005. Hlm. 77.
- <sup>7</sup> Mohamad Mokhtar Hassan hlm 83-84.
- <sup>8</sup> Mohamad Mokhtar Hassan hlm. 83-84.
- <sup>9</sup> Mohamad Mokhtar Hassan hlm. 85-88
- <sup>10</sup> Mohamad Mokhtar Hassan hlm. 89
- <sup>11</sup> A. M. Thani. 1988. *Bibliografi Penulis Wajah Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>12</sup> A. M. Thani. 1988. *Bibliografi Penulis Wajah Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>13</sup> Dr. Norliza Kushairi. 2012. Cabaran Guru Menuntut Ilmu. Dlm. *Berita Harian* 3 November 2012.
- <sup>14</sup> Shauqi Othman. 2011. Islam Agama Ilmu. Dlm. <http://www.ustazshauqi.com> akses pada 4 Januari 2013.

## RUJUKAN

- Keris Mas.2010. *Anak Titiwangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas.1979. *Memoir Keris Mas: 30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mana Sikana. 2005. *Teori dan Kritikan Sastera Malaysia dan Singapura*. Singapura: Pustaka Karya.
- Misran Rokimin. 2006. *Isu Pendidikan dan Pembangunan Insan Menerusi Novel*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Mokhtar Hassan. 2005. *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Haji Salleh. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Daud Bin Ibrahim  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: ibrahimohddaud@gmail.com

Rohaidah Kamruddin, Ph.D  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: rohaidah\_k@upm.edu.my

